

06/11/2003

`Nik Aziz tiada pendirian'

KUALA LUMPUR: Tindakan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengeluarkan kenyataan memburuk-burukkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, tidak mencerminkan pendirian pemimpin yang mengetahui soal agama.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Menteri Besar Kelantan itu tidak seharusnya mengeluarkan kenyataan sedemikian terhadap seorang pemimpin yang sangat besar jasanya kepada negara.

Beliau berkata, Pas seolah-olah sudah tidak ada isu lagi sehingga sanggup memburuk-burukkan seorang pemimpin yang sudah bersara selepas menerajui negara dengan rekod cemerlang selama 22 tahun.

"Saya terperanjat apabila membaca seorang pemimpin agama seperti Nik Aziz mengeluarkan kenyataan yang memberikan gambaran buruk terhadap Dr Mahathir.

"Dulu beliau kata Dr Mahathir hanya bersandiwara bila menyatakan hasratnya untuk bersara dan kini beliau dakwa Dr Mahathir bersara sebab dicabar oleh Pas.

"Ini dengan sendirinya menunjukkan pemimpin Pas suka berdolak dalik dan tidak mempunyai pendirian," katanya ketika diminta mengulas wawancara eksklusif Nik Aziz yang disiarkan menerusi laman web HarakahDaily.

Nik Aziz dipetik sebagai berkata, pemimpin kerajaan dulu selalu mengganggu perjalanan pergerakan Islam melalui pelbagai cara sehingga menghentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), sambil menyifatkan tindakan itu sebagai bahaya dan selaras dengan kehendak Yahudi serta Amerika.

Beliau juga mendakwa kenyataan yang dibuat pemimpin Pas sebelum ini yang menyifatkan hasrat Dr Mahathir untuk bersara sebagai sandiwara, hanya taktik untuk memaksa bekas Perdana Menteri itu supaya benar-benar berhenti.

Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said, pula berkata pemimpin Pas harus menilai diri mereka sendiri, bukannya melemparkan tuduhan terhadap orang lain terutama pemimpin yang dihormati rakyat seperti Dr Mahathir.

Katanya, Nik Aziz sendiri telah menerajui kerajaan Kelantan selama 13 tahun dan beliau tidak ada pun menunjukkan keinginannya untuk menyerahkan kepimpinan negeri itu kepada pemimpin pelapis.

Sebenarnya, kata beliau, pemimpin Pas cuba berdolak dalik untuk menutup malu mereka, kerana Dr Mahathir telah benar-benar bersara dan ini membuktikan tuduhan Pas selama ini salah sama sekali.